

**KOMODIFIKASI BUDAYA ORANG ASLI  
DALAM PELANCONGAN: KELESTARIAN  
IDENTITI BUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI DI  
RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA AIR  
BANUN, GERIK, PERAK**

**QAYHERAH BINTI AHMAD ZAM ZAM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**KOMODIFIKASI BUDAYA ORANG ASLI  
DALAM PELANCONGAN: KELESTARIAN  
IDENTITI BUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI DI  
RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA AIR  
BANUN, GERIK, PERAK**

**oleh**

**QAYHERAH BINTI AHMAD ZAM ZAM**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan  
(Antropologi dan Sosiologi)**

**DISEMBER 2015**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan dan melengkapkan kajian ini dengan jayanya. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas buat penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Nor Hafizah Binti Hj. Selamat yang telah banyak membimbing, memberi tunjuk ajar serta teguran dalam mengukuhkan proses penulisan tesis ini. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan Dan Inovasi Universiti Sains Malaysia yang telah meluluskan permohonan saya melalui Skim Penyelidikan Siswazah Universiti Penyelidikan (PRGS). Dengan adanya geran ini, secara tak langsung dapat membantu saya dalam menjalankan kajian lapangan. Saya juga ingin melahirkan ucapan terima kasih ini buat pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Hulu Perak khasnya kerana membenarkan saya untuk menjalankan kajian antropologi pelancongan terhadap komuniti Orang Asli di RPS Air Banun, Gerik, Perak. Dalam teras penyelidikan juga, aktor-aktor sosial merupakan nadi penting terhadap keberhasilan sesebuah kajian. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi menzahirkan ucapan terima kasih buat informan-informan utama kajian yang terdiri daripada komuniti Orang Asli di RPS Air Banun yang telah banyak membantu, memberi kepercayaan serta memberikan kerjasama yang sepenuhnya ketika kajian lapangan dijalankan. Akhir sekali, terima kasih juga kepada suami tersayang, Mohd Izammudin Bin Zainol yang banyak memberi sokongan moral sepanjang kajian ini dijalankan. Di tambah dengan kehadiran anak kecil, Quddus Munajat Al Qashah, secara tak langsung turut menitipkan motivasi yang kuat kepada saya bagi melengkapkan kajian ini. Sesungguhnya, *“yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek”*.

## SENARAI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI PLAT</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI PETA</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Organisasi Tesis	14
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Antropologi pelancongan dan komuniti Orang Asli	16

2.3	Industri pelancongan dan komuniti Orang Asli di Malaysia	20
2.4	Pelancongan dan komodifikasi budaya	25
2.5	Pelancongan dan identiti budaya	31
2.6	Respon komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan	38
2.7	Kerangka konseptual	41
2.8	Rumusan	43
 <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	45
3.2	Pemilihan kawasan kajian	45
3.3	Persampelan “ <i>Snowball</i> ”	50
3.4	Kaedah pengumpulan data	52
3.4.1	Temubual secara mendalam	56
3.4.2	Pemerhatian Turut Serta	58
	i. Penglibatan dalam aktiviti tradisional komuniti	
3.4.3	Pengumpulan data sekunder	60
	i. Penyelidikan perpustakaan	
	ii. Perolehan maklumat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan laman web berkaitan	
3.5	Analisis data: Analisis kandungan teks dan membina sistem kategori.	61
3.6	Etika dalam penyelidikan sosial	63
	3.6.1 Pemberitahuan	
	3.6.2 Meminta kebenaran informan	
	3.6.3 Bebas nilai	
3.7	Rumusan	66

## **BAB 4 KOMUNITI ORANG ASLI DI RPS AIR BANUN**

4.1	Pengenalan	67
4.2	Asal-usul Daerah Gerik	67
4.3	Komuniti Orang Asli di Negeri Perak	68
4.4	Latar belakang RPS Air Banun	69
4.5	Demografi suku kaum Jahai	73
4.6	Mata pencarian komuniti Orang Asli di RPS Air Banun	74
4.7	Rumusan	77

## **BAB 5 KOMODIFIKASI BUDAYA DAN PEMBENTUKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN**

5.1	Pengenalan	78
5.2	Tatapan pelancong ( <i>Tourist Gaze</i> ): Proses pempakejan budaya komodifikasi	79
5.3	Proses pempakejan budaya di RPS Air Banun: Bagaimana ia bermula?	82
5.4	Komodifikasi budaya melalui produk pelancongan	86
5.4.1	<i>Jungle Trekking</i>	88
	i. Menatap Bunga Pakma	
	ii. Mencari herba tradisional	
	iii. Aktiviti memancing ikan	
	iv. Melawat tapak lama perkampungan Orang Asli	
	v. Melawat Sira Gajah	
5.4.2	Demonstrasi budaya kehidupan Orang Asli	111
	i. Demonstrasi memasak dalam buluh	
	ii. Aktiviti memancing kaedah tradisional	
	iii. Upacara Tarian Sewang	
	iv. Lawatan ke perkampungan Orang Asli	
	v. Kraftangan	

5.4.3	Aktiviti Mengelilingi Pulau	122
5.5	Penawaran pakej pelancongan oleh agensi pelancongan- Royal Belum Rainforest	122
5.6	Cadangan penambahbaikan ekonomi Orang Asli melalui pakej pelancongan	125
5.7	Rumusan	129
<b>BAB 6 BENTUK PENGLIBATAN ORANG ASLI DALAM AKTIVITI PELANCONGAN</b>		
6.1	Pengenalan	133
6.2	Pekerjaan dalam pelancongan komuniti Orang Asli	133
6.3	Bentuk dan faktor penglibatan komuniti Orang Asli dalam aktiviti pelancongan di RPS Air Banun	135
6.4	Rumusan	155
<b>BAB 7 IMPLIKASI KOMODIFIKASI BUDAYA KE ATAS KELESTARIAN IDENTITI KOMUNITI ORANG ASLI: MEKANISM PENGEKALAN</b>		
7.1	Pengenalan	157
7.2	Identiti dan budaya	157
7.3	Identiti budaya dan amalan tradisi komuniti Orang Asli di RPS Air Banun	159
	7.3.1 Amalan kepercayaan	161
	i. Amalan berjanji ketika mencari rezeki	
	ii. Larangan menghina binatang	
	iii. Pantang-larang memakan binatang	
	iv. Bertentang mata antara menantu dan mertua berlainan jantina	
	v. Pantang-larang melihat cermin	

vi. Larangan selepas bersalin dan ketika didatangi haid ( <i>tenluck</i> )	
7.3.2 Amalan perubatan	169
7.3.3 Proses perlantikan penghulu	168
7.3.4 Adat masuk kampung	169
7.3.5 Amalan berpindah-randah	170
7.3.6 Adat perkahwinan	170
7.3.7 Upacara Sewang	172
7.3.8 Kraftangan	173
7.4 Pelancongan dan kelestarian budaya: Mekanisme pengekalan	173
7.5 Komuniti Orang Asli di RPS Air Banun: Strategi pengekalan	176
7.5.1 Strategi Pengukuhan Sempadan	
7.5.2 Adoptasi dan Revitalisasi	
7.5.3 Strategi Penolakan	
7.6 Kekangan pempraktisan adat budaya tradisional	189
7.7 Pelancongan, komodifikasi budaya dan ekonomi: Persepsi Komuniti Orang Asli	192
7.8 Cadangan pengekalan kelestarian identiti budaya komuniti Orang Asli	196
7.9 Rumusan	201
<b>BAB 8 PENUTUP</b>	
8.1 Kesimpulan kajian	205
8.2 Cadangan kajian pada masa hadapan	209
<b>BIBLIOGRAFI</b>	211
<b>GLOSARI</b>	



## LAMPIRAN

### SENARAI JADUAL

		<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Perkampungan di RPS Air Banun dan jumlah penduduk	<b>52</b>
Jadual 3.2	Jumlah penglibatan informan yang ditemubual mengikut persatuan dan persendirian	<b>54</b>
Jadual 3.3	Jumlah informan ditemubual mengikut kampung dan suku kaum	<b>58</b>
Jadual 3.4	Sumber data utama yang digunakan	<b>63</b>
Jadual 4.1	Tiga suku bangsa Orang Asli di Malaysia	<b>69</b>
Jadual 4.2	Data sosio ekonomi informan di RPS Air Banun	<b>76</b>
Jadual 5.1	Aktiviti pempakejan budaya Orang Asli	<b>87</b>
Jadual 5.2	Harga upacara Sewang mengikut kampung	<b>112</b>
Jadual 5.3	Pakej pelancongan Royal Belum Rainforest	<b>123</b>
Jadual 6.1	Bentuk dan faktor penglibatan informan dalam aktiviti pelancongan	<b>153</b>
Jadual 7.1	Amalan sosiobudaya yang dipraktikkan	<b>160</b>
Jadual 7.2	Mekanisme pengekalan	<b>177</b>
Jadual 7.3	Elemen budaya yang jarang dan tidak dipraktikkan	<b>189</b>

## **SENARAI RAJAH**

		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Kerangka konseptual kajian	<b>43</b>
Rajah 3.1	Carta Aliran kajian	<b>55</b>
Rajah 3.2	Aliran proses analisis kandungan	<b>63</b>
Rajah 5.1	Proses pempakejan budaya yang telah dilalui oleh komuniti Orang Asli di RPS Air Banun	<b>85</b>
Rajah 5.2	Cadangan penambahan pakej aktiviti pelancongan komuniti Orang Asli	<b>129</b>
Rajah 7.1	Cadangan mengekalkan kelestarian identiti budaya komuniti Orang Asli	<b>200</b>

## SENARAI PLAT

### MUKA SURAT

Plat 5.1	Aktiviti <i>Jungle Trekking</i> bersama informan Orang Asli	89
Plat 5.2	Bunga Pakma di Hutan Belum yang masih belum mengembang	90
Plat 5.3	Kacip Fatimah	93
Plat 5.4	Tongkat Ali	94
Plat 5.5	Ubi Spring	94
Plat 5.6	Pokok Beruang Duduk	95
Plat 5.7	Feri yang membawa pelancong untuk menjalankan aktiviti memancing	96
Plat 5.8	Rakaman kamera PERHILITAN yang memantau aktiviti gajah	100
Plat 5.9	Cakaran belalai gajah	101
Plat 5.10	Sira Gajah	101
Plat 5.11	Proses mencari dan membelah kayu bagi tujuan memasak	104
Plat 5.12	Mengumpul kayu yang telah dibelah	104
Plat 5.13	Mengisi ikan Tengas yang telah dibersihkan ke dalam buluh untuk dibakar	105
Plat 5.14	Ikan Tengas sedang dimasak	105
Plat 5.15	Nasi dalam buluh yang telah masak	106
Plat 5.16	Ikan dalam buluh yang telah masak	106
Plat 5.17	Komuniti Orang Asli di Kampung Sungai Tiang menggunakan <i>cucuh</i> untuk menangkap ikan	108
Plat 5.18	Cara penggunaan bubu sebagai demonstrasi untuk tatapan Pelancong	108
Plat 5.19	Demonstrasi menjalankan upacara Sewang	110

## SENARAI PLAT

### MUKA SURAT

Plat 5.20	Kehadiran pelancong di Kampung Chuweh	113
Plat 5.21	Rumah tradisional komuniti Orang Asli di Kampung Chuweh	114
Plat 5.22	Tempat perbincangan di balai Sewang penduduk Orang Asli di Kampung Chuweh	114
Plat 5.23	Komuniti Orang Asli di Kampung Chuweh sedang menjual kraf tangan	120
Plat 5.24	Pondok menjual kraf tangan di Kampung Chuweh	120
Plat 5.25	Buluh sumpit pelbagai saiz	125
Plat 5.26	Cara menggunakan “centung”	121
Plat 7.1	<i>Talung</i>	164

## **SENARAI PETA**

### **MUKA SURAT**

Peta 3.1	Lokasi penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia mengikut suku kaum	<b>49</b>
Peta 4.1	Lokasi penempatan Orang Asli	<b>72</b>

## **SENARAI CARTA**

### **MUKA SURAT**

Carta 6.1	Bentuk penglibatan komuniti Orang Asli dalam aktiviti pelancongan	<b>153</b>
Carta 6.2	Jenis penglibatan informan dalam aktiviti pelancongan	<b>155</b>

## SENARAI SINGKATAN

<b>ASEAN</b>	<i>Association of Southeast Asian Nation</i>
<b>ATR</b>	<i>Annal of Tourism Research</i>
<b>FRIM</b>	<i>Forest Research Institute Of Malaysia</i>
<b>JAKOA</b>	Jabatan Kemajuan Orang Asli (digunakan bermula Januari 2011)
<b>JHEOA</b>	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (digunakan sebelum Januari 2011)
<b>KDNK</b>	Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>LPPM</b>	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
<b>MAS</b>	Malaysia Airlines
<b>MDCH</b>	Majlis Daerah Cameron Highlands
<b>MDG</b>	Majlis Daerah Gerik
<b>MM2H</b>	<i>Malaysia My Second Home</i>
<b>OTOP</b>	<i>One Tambon One Product</i>
<b>OVUP</b>	<i>One Village Product</i>
<b>PERHILITAN</b>	<i>Department of Wildlife and National Parks</i>
<b>PKM</b>	Parti Komunis Malaya
<b>PNG</b>	Papua New Guinea
<b>RPS</b>	Rancangan Pengumpulan Semula
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SDSI</b>	Satu Daerah Satu Industri
<b>UMNO</b>	<i>United Malays National Organisation</i>
<b>UNDP</b>	<i>United Nations Development Programme</i>
<b>UNESCO</b>	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
<b>UNWTO</b>	<i>United Nations World Tourism Organization</i>
<b>WCCD</b>	World Commission on Culture and Development
<b>WWF</b>	Tabung Alam Malaysia ( <i>Malaysia World Wide Fund for Nature</i> )

**KOMODIFIKASI BUDAYA ORANG ASLI DALAM PELANCONGAN:  
KELESTARIAN IDENTITI BUDAYA KOMUNITI ORANG ASLI DI  
RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA AIR BANUN, GERIK, PERAK.**

**ABSTRAK**

Kajian ini menyasarkan komuniti Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun, Gerik, Perak yang terlibat di dalam industri pelancongan. Dalam komuniti ini, proses pempakejan budaya tradisional jelas kelihatan dan dijadikan satu komoditi sebagai tarikan kepada pelancong. Justeru, penglibatan tersebut mendorong komuniti ini mengambil pendekatan dalam memelihara identiti budaya mereka. Kaedah temubual secara mendalam bersama-sama dengan 12 orang informan Orang Asli dan kaedah pemerhatian turut-serta digunakan dalam proses pengkategorian produk-produk budaya, bentuk dan faktor penglibatan serta mekanisme yang digunakan dalam mempertahankan identiti budaya mereka. Kajian mendapati komuniti Orang Asli telah menggunakan pelbagai strategi untuk menyeimbangkan di antara kehendak untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan dan keperluan untuk mempertahankan kelestarian identiti budaya. Strategi yang diguna pakai untuk keseimbangan identiti budaya mereka adalah melalui model pembangunan pelancongan yang diperkenalkan oleh Doxey (1975) dan Dogan (1989) iaitu melalui mekanisme pengukuhan sempadan, adoptasi, revitalisasi dan mekanisme penolakan. Oleh itu, kajian ini mendapati aktiviti pelancongan dalam kalangan Orang Asli boleh dibangunkan namun harus menggunakan pendekatan yang lebih lestari bagi menjamin identiti budaya komuniti Orang Asli akan terus terpelihara.



**COMMODIFICATION OF INDIGENOUS CULTURE IN TOURISM: THE  
SUSTAINABILITY OF CULTURAL IDENTITY OF ORANG ASLI  
COMMUNITY AT RESETTLEMENT PLAN OF AIR BANUN, GERIK,  
PERAK.**

**ABSTRACT**

This study encompasses the indigenous community that involved in the tourism industry at the Resettlement Plan of Air Banun, Gerik, Perak. In this community, the packaging process of their traditional culture is visible and is used as a commodity to attract tourists. Thus, such involvement drives the community to take an approach to preserve their cultural identity. In-depth interviews with 12 informants from the indigenous community and participant observation were employed to categorize the cultural products, the forms and factors of participation, and mechanisms to sustain their cultural identity. The findings identify that the indigenous community undertake various strategies to balance between the desire to participate in the tourism industry and the need to maintain the sustainability of their cultural identity. Amongst the strategies adopted were the tourism development model introduced by Doxey (1975) and Dogan (1989) through boundary maintenance, adoption, revitalization and rejection mechanisms. This research found that the development of tourism activities amongst the indigenous group is possible; however a more sustainable approach is suggested to ensure the preservation of indigenous cultural identity.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Komuniti peribumi di kebanyakan negara telah menetap di kawasan tanah tradisi mereka sejak turun temurun iaitu sebelum kehadiran komuniti lain di sesebuah negara. Budaya tradisi mereka telah teradun dan amat terikat dengan tanah tradisi mereka yang turut berkait rapat dengan amalan agama mereka. Namun, proses globalisasi dalam bentuk perkembangan, kapitalisme dan seterusnya imperialisme telah secara perlahan-lahan menghakis budaya tradisi komuniti peribumi (Ma'Rof dan Mohd Taufiq : 2008).

Proses globalisasi ini juga turut memberikan tempasnya kepada golongan komuniti Orang Asli yang sedikit sebanyak telah mendedahkan budaya kehidupan mereka kepada tret budaya yang berlainan. Perkembangan maklumat yang pesat serta pelbagai implimentasi kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar menyebabkan komuniti ini sedikit demi sedikit menerima kehadiran orang luar dalam kehidupan mereka. Penerimaan unsur-unsur budaya baru juga walaupun tidak menyeluruh dalam kalangan penduduk Orang Asli, ia tetap memberi pendedahan kepada komuniti Orang Asli untuk berinteraksi dengan masyarakat luar. Malahan, keinginan masyarakat luar sendiri yang ingin “merasai” serta “menghayati” kehidupan komuniti Orang Asli menyebabkan komuniti ini mengambil peluang untuk turut serta dalam proses pembangunan industri pelancongan tempatan yang dapat memberi sumber penjana pendapatan kepada mereka. Oleh itu, terdapat dalam kalangan Orang Asli yang telah mula melibatkan

diri dalam industri pelancongan kerana ia dapat mendatangkan sumber pendapatan baru kepada mereka berdasarkan kemahiran ilmu pengetahuan peribumi yang diminati oleh masyarakat luar.

Malahan, pelancongan juga dianggap sebagai satu strategi pembangunan yang mudah dan cepat untuk mendapatkan tukaran wang asing berbanding dengan strategi pembangunan yang lain. Ini kerana, sumber-sumber pelancongan telah tersedia di sesebuah destinasi dan penduduk tempatan juga berupaya menjadi aset pelancongan yang dapat menarik perhatian pelancong. Banyak komuniti di negara-negara membangun mempunyai keperluan untuk menyara kehidupan mereka menggunakan sumber-sumber yang terdapat dalam komuniti mereka sendiri.

Kebudayaan Orang Asli pula selain menjadi tarikan kepada pelancong, ia juga turut menarik perhatian agensi pelancongan, kerajaan dan juga ahli akademik. Pelancongan Orang Asli dapat memberi peluang kepada komuniti Orang Asli untuk lebih berdikari dalam meningkatkan tahap ekonomi mereka di samping memelihara kebudayaan kaum. Mengikut kajian Hinch dan Butler (2007), komuniti Orang Asli dilihat bermotivasi untuk terlibat dalam pelancongan Orang Asli kerana faktor ekonomi iaitu penjanaan pendapatan untuk keluarga mereka.

Namun begitu, berdasarkan kajian Zanisah et. al (2009), terdapat sebahagian daripada suku kaum Orang Asli iaitu komuniti Batek yang tidak dapat menerima kedatangan pelancong kerana dianggap mengganggu hak privasi individu, hak mempertahankan kesucian budaya, keterikatan daripada kebebasan bergerak mencari sumber pendapatan, ancaman kesihatan dan penyakit berjangkit serta

dieksploitasi oleh pihak lain. Keadaan ini berlaku disebabkan pelbagai pantang-larang dan amalan yang perlu dipatuhi yang kadangkala bagi mereka tidak difahami oleh pelancong. Oleh itu, komuniti ini tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada aktiviti pelancongan.

Namun kajian oleh Rohayu dan Noor Sharipah (2013) menunjukkan bahawa penglibatan komuniti Orang Asli dalam aktiviti pelancongan menyebabkan proses pempakejan budaya-budaya tradisional Orang Asli berlaku untuk dijadikan tatapan pelancong. Aktiviti-aktiviti ini selain dapat memberi “gambaran” kepada pelancong mengenai tradisi hidup mereka, ia juga dapat menginovasikan komuniti Orang Asli sendiri dalam meraih sumber pendapatan. Kajian Rohayu dan Noor Sharipah (2013) di Kampung Sungai Bumbun mendapati komuniti Mah Meri membina keupayaan mereka melalui kemahiran tidak formal yang diwariskan sejak turun-temurun. Bagi mengembangkan idea-idea sedia ada, komuniti Mah Meri mempunyai idea yang lebih kreatif dengan penghasilan dan inovasi produk sedia ada kepada satu bentuk yang baru. Mereka juga telah mula memperbaiki amalan menganyam secara tradisi yang telah disuntik dengan inovasi baru seperti meletakkan design huruf dalam proses anyaman mereka. Keupayaan komuniti Mah Meri ini diperolehi melalui pendedahan dengan penyertaan dalam pameran di luar penempatan mereka. Hal ini membolehkan mereka memperoleh banyak pengalaman dan idea baru. Pelancongan komuniti Orang Asli ini dilihat telah membawa perubahan terhadap suku kaum Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun dari segi peningkatan pendapatan komuniti ini.

Sementara itu, proses komodifikasi budaya yang berlaku terhadap komuniti Orang Asli melalui segmen pelancongan juga telah memberi kesan kepada komuniti ini termasuklah dari aspek ekonomi dan sosial. Menurut Ivanovic (2008), walaupun struktur sosioekonomi komuniti Orang Asli mampu untuk membuatkan mereka berdikari, tetapi perubahan yang wujud adalah datang secara semulajadi. Mereka juga turut terdedah kepada budaya pelancong itu sendiri. Di Australia contohnya, komuniti Orang Asli Djabugay bersedia untuk menerima perubahan dengan terbentuknya Taman Budaya Tjapukai. Ramai penduduk tempatan yang memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan bulanan yang memuaskan. Pembentukan Taman Budaya ini membuktikan mereka berjaya memperbaiki taraf hidup komuniti dan mempersembahkan nilai-nilai warisan yang baik dalam usaha mewujudkan komuniti mapan dan mampu berdikari. Walau bagaimanapun, pengaruh luar yang dibawa masuk oleh pelancong asing dilihat telah secara perlahan-lahan menghakis amalan dan sistem sosial komuniti ini (Dyer et. al, 2003). Kebanyakan penduduk mula cenderung kepada budaya moden dan mereka mula menganggap budaya dan identiti perkampungan hanya sebagai satu bentuk pekerjaan yang menyediakan pendapatan kepada mereka.

Perkembangan industri pelancongan secara global juga tidak dapat menahan masyarakat peribumi daripada terlibat dalam industri pelancongan dan seterusnya menerima pelbagai kesan melalui aktiviti pelancongan. Proses perubahan gaya hidup disebabkan oleh komodifikasi budaya yang berlaku ini menyebabkan mereka juga terpaksa melalui proses pengimbangan untuk memastikan kelestarian identiti budaya mereka dapat dikekalkan. Kelestarian budaya merujuk kepada proses penyesuaian dengan kebudayaan dan nilai komuniti mereka serta proses

pengukuhan identiti budaya setempat. Secara idealnya, kelestarian kebudayaan perlu sentiasa menggalakkan aktiviti pelancongan yang disokong oleh komuniti setempat, memastikan program latihan dan pendidikan membantu dan mengawal sumber warisan serta semulajadi, memelihara kepelbagaian budaya, menghormati hak hartanah dan tradisi yang diamalkan, menjaga alam, lokal, budaya masyarakat tempatan dan ilmu tradisional (McKercher, 2003). Namun, dalam kebanyakan keadaan, kedatangan pelancongan dalam kehidupan komuniti Orang Asli menyebabkan mereka dalam proses "pergelutan" untuk terlibat sama dalam aktiviti pelancongan untuk menjana pendapatan dan pada masa yang sama berusaha untuk memastikan identiti budaya mereka kekal. Sebagai contoh, Muliawan (2000) yang menjalankan kajian terhadap masyarakat pesisir Utara Jawa Tengah mendapati bahawa kedatangan pelancong menyebabkan kelestarian kebudayaan bangsa pesisiran semakin terhakis. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, kewujudan medium yang bersifat kreatif seperti Taman Budaya Pesisir Utara Jawa Tengah telah diwujudkan.

Oleh itu, berdasarkan kepada pengenalan di atas, kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena-fenomena ini dalam kalangan komuniti Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun di Gerik, Perak. Kajian ini cuba untuk mengupas produk-produk pelancongan yang ditawarkan oleh komuniti Orang Asli yang telah melalui proses komodifikasi budaya di kawasan pelancongan yang baru membangun ini. Menerusi kajian ini juga, bentuk-bentuk penglibatan komuniti Orang Asli dalam segmen pelancongan juga dapat dikenalpasti. Di samping itu, bentuk mekanisme yang digunakan oleh komuniti ini dalam usaha mereka untuk mengekalkan dan memelihara identiti budaya mereka

rentetan daripada kemasukan pelancong-pelancong ke kawasan penempatan mereka dapat diketengahkan. Pembangunan pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli di Gerik, Perak ini masih lagi dalam peringkat awal berbanding dengan kawasan pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli yang lain di Malaysia seperti di Cameron Highlands, Tasik Bera, Tasik Chini dan Taman Negara Endau-Rompin. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana komuniti Orang Asli terlibat dalam aktiviti pelancongan yang mengetengahkan produk-produk budaya tradisional mereka yang telah melalui proses komodifikasi serta bentuk dan faktor dan penglibatan mereka dalam aktiviti pelancongan. Strategi dan mekanisme yang telah digunakan oleh komuniti Orang Asli juga turut dikenalpasti dalam memastikan kelestarian dan cara hidup tradisi mereka dipertahankan. Justeru, kajian ini bukan sekadar untuk menyenaraikan impak positif dan negatif berikutan daripada aktiviti pelancongan semata-mata tetapi untuk melihat proses komodifikasi budaya yang telah berlaku kesan daripada aktiviti pelancongan serta usaha komuniti ini dalam mengambil faedah terhadap perkembangan industri pelancongan di kawasan mereka.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelbagai kajian yang melibatkan komuniti Orang Asli dalam industri pelancongan giat dilakukan oleh sarjana-sarjana pelancongan mahupun dalam kalangan ahli antropologi sendiri. Di antaranya adalah seperti Greenwood (1972), MacCannell (1973), Cohen (1988), Smith (1989), Urry (1990), Meethan (2001), Sherperd (2002), Agata (2009), Zanisah et. al. (2009), Mustaffa et. al (2011) dan Azreen Rozainee et. al (2011) dan Coronado (2014). Penyelidik-penyelidik ini mengupas tentang isu pelancongan komuniti Orang Asli yang merangkumi segala aspek positif mahupun

yang negatif yang timbul dalam sektor ini. Hujahan yang dikemukakan termasuklah berkenaan proses komodifikasi budaya yang berlaku terhadap komuniti Orang Asli serta aktiviti pempakejan budaya yang tidak dapat dielakkan sebagai satu produk untuk pelancongan berasaskan etnik. Malahan, isu kelestarian identiti juga turut diketengahkan oleh Friedman (1994), Doorne et. al (2003), Siti Aminah et. al (2008), Stronza (2008) serta Mohd Nur Syufaat (2013) serta Rohayu dan Noor Sharipah (2013).

Kajian penglibatan komuniti Orang Asli dalam industri pelancongan di Malaysia juga turut dibuat oleh sarjana-sarjana tempatan seperti Lye Tuck-Po (2005), Zahid Emby (2006), Lee Boon Hiong (2007) dan Kamaruddin (2008). Penyelidik-penyelidik ini telah mengupas aktiviti pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli di kawasan pelancongan yang popular di Malaysia seperti Cameron Highlands, Tasik Bera, Taman Negara Endau-Rompin dan Tasik Chini. Terdapat juga kajian yang dijalankan di perkampungan Orang Asli Hulu Perak, Gerik, seperti memfokuskan kepada isu hubungan unsur muzik terhadap penyembuhan penyakit dalam masyarakat Temiar (Roseman, 1991), perubahan sosial di RPS Air Banun (Itam Wali, 1993), pembangunan mapan Orang Asli (Khairul Hisyam dan Ibrahim Ngah, 2007) serta cara hidup dan budaya komuniti Orang Asli di situ. Kajian mengenai aktiviti ekopelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli Jahai dan Temiar di Pulau Banding juga turut dikaji oleh Nor Hafizah dan Salfarina (2007).

Walaupun, banyak kajian telah dijalankan terhadap kehidupan komuniti Orang Asli dan penglibatan Orang Asli dalam aktiviti pelancongan di Malaysia, namun tidak banyak kajian yang menumpukan kepada proses komodifikasi budaya



Orang Asli untuk tujuan membangunkan aktiviti pelancongan di kawasan mereka. Tiada juga kajian dibuat mengenai cara bagaimana masyarakat tempatan bernegosiasi dan strategi yang digunakan untuk mengurangkan atau mengelakkan kesan-kesan yang boleh mengganggu kelestarian identiti budaya mereka. Selain itu, didapati masih tidak banyak kajian yang mengupas dan menyelongkar apakah reaksi dan strategi Orang Asli untuk memastikan kelestarian budaya mereka terus terpelihara.

Penubuhan RPS Air Banun secara tidak langsung telah mendedahkan komuniti Orang Asli terhadap perkembangan-perkembangan semasa yang berada di luar ruang lingkup kehidupan mereka. Pertembungan dua kontak budaya yang berbeza ini juga turut memberikan pelbagai impak terhadap kehidupan tradisional mereka. Kemasukan unsur-unsur moden kesan daripada proses pembangunan aktiviti pelancongan menyebabkan wujudnya sempadan di antara amalan cara hidup tradisi dan proses mengadaptasi unsur-unsur baru di dalam kehidupan seharian mereka. Malahan, komuniti Orang Asli juga dilihat mengalami dilema untuk turut sama merasai kemajuan pembangunan serta dalam masa yang sama perlu untuk mempertahankan identiti budaya mereka. Namun, komodifikasi budaya yang berlaku telah melonggarkan "ikatan" di antara unsur-unsur tradisi dengan penggunaan unsur-unsur moden yang dapat menimbulkan kesan yang positif mahupun yang negatif dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan kajian literatur, kelompangan kajian ini amat jelas. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengisi kelompangan tersebut dengan memfokuskan kepada proses komodifikasi budaya yang berlaku melalui proses pempakejan budaya-budaya

mereka untuk dibentuk sebagai “produk pelancongan”. Kajian juga akan memfokuskan bagaimana kesan komodifikasi budaya ini mempengaruhi kelestarian identiti budaya mereka dan apakah strategi dan mekanisme pengekalan yang dibina bagi melindungi identiti budaya mereka daripada terus “dihakis” oleh aktiviti pelancongan.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

- i. Apakah bentuk-bentuk produk pelancongan yang melalui proses komodifikasi?
- ii. Apakah bentuk penglibatan Orang Asli dalam pelancongan?
- iii. Bagaimanakah komuniti Orang Asli membina mekanisme untuk mengekalkan dan memelihara identiti budaya mereka?

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Untuk mengkategorikan produk-produk pelancongan Orang Asli yang melalui proses komodifikasi.
- ii. Untuk mengenalpasti bentuk penglibatan Orang Asli dalam pelancongan.
- iii. Untuk mengenalpasti bentuk mekanisme yang dibina oleh komuniti Orang Asli untuk mengekalkan dan memelihara identiti budaya mereka.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun, Gerik, Perak sebagai lokasi kajian. Pemilihan RPS ini kerana ia mula dikenali apabila aktiviti pelancongan mula dibangunkan di kawasan ini. Di RPS Air Banun, terdapat 18 buah perkampungan komuniti Orang Asli yang didiami oleh suku Jahai

dan Temiar. Justeru, kajian ini akan dijalankan di beberapa buah kampung yang dikenalpasti aktif dalam aktiviti pelancongan iaitu Kampung Sungai Tiang, Kampung Sungai Kejar, Kampung Sungai Raba, Kampung Desa Permai, Kampung Semelor, Kampung Chuweh dan Kampung Sungai Banun. Perkampungan ini telah dikenalpasti sewaktu kajian rintis dijalankan. Informan yang terdiri daripada komuniti Orang Asli sendiri telah memberikan maklumat dalam mengenalpasti perkampungan yang giat dalam aktiviti pelancongan serta penglibatan dari komuniti Orang Asli.

Kampung Sungai Tiang dan Kampung Sungai Kejar merupakan dua buah kampung yang dikendalikan oleh Belum Rainforest Resort di bawah pengurusan Kumpulan Emkay, iaitu sebuah kumpulan yang giat dan berpengalaman dalam memajukan industri pelancongan negara. Permit diperlukan untuk masuk ke kedua-dua buah kampung tersebut. Sementara itu, Kampung Sungai Raba, Kampung Desa Permai, Kampung Sungai Banun dan Kampung Semelor pula terletak di kawasan Lembah Belum iaitu terletak di kawasan darat dan penempatan yang tersusun sebagai RPS dan ia tidak memerlukan permit atau pas kurungan untuk memasukinya. Sementara itu, Kampung Chuweh pula terletak berhampiran dengan jeti Pengkalan Aman iaitu mengambil masa selama 30 minit untuk sampai di perkampungan ini. Walaupun terdapat tiga RPS di daerah Hulu Perak iaitu RPS Air Banun, RPS Kemar dan RPS Dala, kajian ini hanya tertumpu di RPS Air Banun sahaja.

Skop kajian ini juga turut memfokuskan dapatan maklumat utama berdasarkan tiga objektif kajian ini iaitu bagi mengkategorikan proses pempakejan budaya yang membentuk produk-produk tatapan pelancong dan seterusnya

mengenalpasti bentuk penglibatan Orang Asli dalam aktiviti pelancongan. Kajian ini juga turut mengenalpasti beberapa mekanisme yang digunakan oleh komuniti Orang Asli dalam mempertahankan identiti budaya mereka. Melalui objektif utama kajian ini, impak komodifikasi budaya terhadap kehidupan komuniti Orang Asli secara tidak langsung dapat dikenalpasti.

Selain itu, tidak semua informan yang ditemubual arif mengenai adat budaya komuniti mereka terutamanya dari segi pengekalan budaya. Justeru, soalan-soalan berkenaan tentang pengukuhan budaya banyak dijawab oleh penghulu-penghulu serta informan yang telah biasa dan arif mengenai tradisi budaya mereka.

Dari segi skop masa, kajian lapangan telah dijalankan selama lima bulan iaitu bermula pada bulan Januari 2011, November 2011, Disember 2011, Oktober 2012 dan berakhir pada Januari 2013.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

- i. Melalui kajian ini, orang ramai akan lebih memahami cara hidup dan kebudayaan komuniti Orang Asli dengan lebih jelas di samping mengelakkan pandangan serong sesetengah pihak tentang kehidupan mereka di kawasan hutan.
- ii. Hasil kajian ini juga dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap komuniti Orang Asli mengenai faedah dan kesan yang timbul melalui aktiviti pelancongan yang berlangsung di kawasan mereka.

- iii. Kajian berkenaan kelestarian identiti budaya komuniti Orang Asli dalam industri pelancongan akan dapat meningkatkan rasa penghargaan masyarakat luar terhadap budaya tradisional komuniti ini.
- iv. Menyampaikan suara komuniti Orang Asli yang bergelut dengan pelbagai cabaran dalam memelihara identiti budaya mereka.
- v. Hasil kajian ini mampu dijadikan rujukan oleh para pelajar yang ingin tahu mengenai identiti budaya komuniti Orang Asli mahupun institusi berkaitan sebagai panduan untuk menjalankan kajian di masa akan datang.

## **1.7 BATASAN KAJIAN**

Masalah dalam kajian luar pernah dibincangkan malah dibahaskan oleh ahli-ahli antropologi dan sosiologi Barat. Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, beberapa batasan dikenalpasti melalui kajian lapangan yang dijalankan di RPS Air Banun. Batasan ini turut meliputi kesukaran penyelidik untuk mendapatkan informan dalam kalangan Orang Asli yang boleh ditemubual dan memberikan jawapan terhadap soalan yang diajukan. Hal ini kerana, sebagai suatu komuniti yang kurang biasa dengan konsep temubual dan kaji selidik, hal ini merupakan suatu perkara yang baru bagi kebanyakan informan yang baru melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan. Oleh yang demikian, mereka akan kurang memahami sifat dan tujuan kaji selidik akademik. Pelbagai salah tanggapan timbul dalam kalangan mereka. Oleh sebab itu, dalam beberapa kes, penjelasan yang agak panjang lebar telah diberikan bahawa tujuan kajian itu adalah semata-mata berbentuk akademik dan tidak ada kena mengena dengan mana-mana pihak tertentu. Salah tanggapan sedemikian rupa berkemungkinan besar akan mempengaruhi jawapan yang diberikan oleh mereka terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Sebagai contoh, kebanyakan informan

Orang Asli yang ditemubual sering memberikan hujah yang panjang lebar mengenai kemelut politik yang berlaku di kawasan mereka terutamanya hal yang berkaitan dengan pembalakan haram dan kehabisan sumber rezeki mereka.

Selain itu, dalam sesebuah penyelidikan yang dijalankan akan wujud masalah syak wasangka. Syak wasangka adalah satu sikap atau tindakan yang mengesyaki sesuatu yang disangkakan wujud, khususnya sesuatu yang "salah", "sulit", "kurang pasti" ataupun sesuatu yang boleh dicurigai, disangsi dan dipersoalkan tanpa mempunyai bukti alasan yang mencukupi. Seseengah syak wasangka sememangnya tidak dapat dihapuskan disebabkan terdapat latar belakang kegiatan sosiobudaya yang bermasalah (Cheu, 1980). Hal ini juga dapat dilihat dalam kalangan informan yang ingin ditemubual berasa ragu-ragu pada permulaanya kerana menyangka penyelidik ingin menemubual berkenaan dengan politik atau bersangkut paut dengan ahli-ahli politik. Justeru, penyelidik telah menjelaskan dengan terperinci tentang tujuan penyelidikan dijalankan dengan menekankan aspek penglibatan komuniti Orang Asli dalam aktiviti pelancongan. Situasi konflik politik yang berlaku dalam kawasan perkampungan Orang Asli ini sedikit sebanyak telah mewujudkan satu masalah pengadilan moral dalam kalangan mereka terhadap orang luar yang datang ke perkampungan mereka.

Dalam kajian ini juga, penglibatan dalam aktiviti pelancongan banyak dimonopoli oleh golongan lelaki komuniti Orang Asli. Sepanjang kajian ini berlangsung, tiada kaum wanita dalam kalangan komuniti Orang Asli yang terlibat dengan aktiviti pelancongan. Ketika berkunjung ke beberapa buah kampung juga penyelidik turut bertanya informan sekiranya terdapat kaum wanita di perkampungan

tersebut yang terlibat dengan aktiviti pelancongan tetapi mereka mengakui bahawa tiada penglibatan wanita dalam pelancongan di sini. Kaum wanita di sini lebih menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas rumah tangga manakala kaum lelaki mereka pula akan melayan setiap pelancong atau penyelidik yang datang. Hal ini menyebabkan kontak di antara penyelidik dengan kaum wanita komuniti Orang Asli menjadi tidak seimbang.

Dari sudut aspek masa dan perkembangan situasi di kawasan kajian pula adalah berpandukan maklumat-maklumat semasa yang diperolehi daripada informan-informan ketika kajian lapangan dijalankan pada tahun 2011, 2012 dan 2013.

## **1.8 ORGANISASI TESIS**

Bab 1 merupakan permulaan kajian yang membincangkan tentang latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, skop, kepentingan serta batasan kajian. Bab ini merupakan asas dalam pelaksanaan kajian yang dijalankan. Bab 2 pula membincangkan tentang ulasan-ulasan karya berkenaan tajuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Bab 3 akan mengemukakan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Seterusnya, Bab 4 pula menerangkan serba sedikit tentang kawasan kajian iaitu di RPS Air Banun berserta dengan demografi penduduk komuniti Orang Asli di situ.

Sementara itu, analisis dapatan kajian dimulakan di Bab 5 iaitu proses komodifikasi budaya yang seterusnya telah membentuk produk-produk pelancongan yang berasaskan tradisi komuniti ini. Bab 6 pula menerangkan bentuk dan faktor yang telah mendorong penglibatan komuniti Orang Asli dalam aktiviti pelancongan.

Bab 7 pula menerangkan tentang mekanisme pengkalan yang dibuat oleh komuniti Orang Asli dalam mempertahankan kelestarian identiti mereka kesan daripada kemasukan industri pelancongan dan penglibatan mereka dalam segmen pelancongan. Bab 8 yang merupakan bab terakhir dalam tesis ini mengemukakan kesimpulan berdasarkan hasil kajian ini serta cadangan penyelidikan yang boleh dijalankan pada masa hadapan.



## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan mengulas kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Bab sorotan karya adalah nadi dalam sesebuah penyelidikan yang dijalankan kerana ia dapat menjadi panduan kepada penyelidik tentang kelompangan kajian lalu seterusnya dapat mengisi jurang ilmu menerusi kajian yang dijalankan. Proses komodifikasi budaya, identiti dan kelestarian budaya turut dibincangkan dan dikupas dalam bab ini.

#### **2.2 ANTROPOLOGI PELANCONGAN DAN KOMUNITI ORANG ASLI**

Dalam bidang antropologi, pelancongan merupakan satu bentuk fenomena sosial. Aktiviti pelancongan telah menjadi “*Subject of Anthropological Inquiry*” disebabkan ia mengandungi elemen “perjalanan” dan “hubungan budaya” (*cultural contact*) di antara pelancong dan penduduk di negara yang di lawati. Perkembangan kajian antropologi pelancongan hanya bermula pada awal tahun 1970an melalui penerbitan kajian antropologi pelancongan melalui jurnal akademik seperti *Annals of Tourism Research* pada tahun 1973. Artikel pertama pelancongan dan sains sosial hanya diterbitkan pada tahun 1974. Ahli antropologi yang memelopori kajian pelancongan adalah Smith (1976) yang memfokuskan kajian kepada pelancongan dan perubahan budaya disusuli pula oleh Greenwood pada tahun 1989 yang melihat pelancongan sebagai agen perubahan.

Pada ulang tahun ke sepuluh jurnal *Annals of Tourism Research* (ATR) diterbitkan, barulah ATR menumpukan isu khas antropologi pelancongan yang memisahkan antropologi dalam pelancongan dengan bidang-bidang yang lain.

Isu-isu yang diperdebatkan dan dianalisis dalam antropologi pelancongan boleh dirujuk kepada empat jenis pemikiran atau lebih dikenali sebagai platform, iaitu konsep yang dikemukakan oleh Jafari (1991). Yang pertama ialah advokasi, platform yang menggambarkan persepsi awal mengenai pembangunan pelancongan dan aspek promosi. Platform kedua pula ialah berwaspada iaitu platform yang memberikan kritikan dan amaran mengenai kesan-kesan pelancongan ini. Platform penyesuaian (*adaptation*) pula cuba untuk melihat bentuk-bentuk alternatif pelancongan yang wujud dan akhir sekali ialah platform berdasarkan ilmu yang cuba untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai aktiviti pelancongan dan apa-apa yang berkaitan dengan pelancongan.

Perbincangan isu-isu pelancongan dalam antropologi lebih memfokuskan kepada impak perubahan sosial dan budaya yang telah mendorong kepada proses komofidikasi budaya (Greenwood, 1972; Smith, 1989) iaitu satu proses yang mana objek, aktiviti atau budaya tempatan telah diukur berdasarkan kepada nilai tukarannya (Gewertz dan Errington, 1991; Stymeist, 1996). Perdebatan mengenai impak budaya ini banyak berkisar kepada persoalan sama ada budaya itu telah “termusnah, rosak, dipakej menjadi satu komoditi ataupun ia diberi nafas baru dan diperkuatkan lagi”. Namun, sarjana lain pula menghujahkan bahawa pelancongan hanyalah satu bentuk imperialisme atau neo-kolonialisme terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga (Nash, 1989; Palmer, 1994). Bagi Milman dan Pizam (1988),

menegaskan bahawa legasi pelancongan selalunya memberikan kesan fizikal yang amat buruk kepada alam sekitar dan nilai sosial yang seterusnya mengakibatkan masalah sosial yang serius di negara tuan rumah.

Pada awal kemunculan antropologi pelancongan, kajian lebih banyak cenderung kepada aspek negatif kesan pelancongan. Namun, kajian-kajian yang terbaru menunjukkan bahawa pelancongan mula diakui mempunyai kedua-kedua kesan iaitu positif dan negatif dan kajian telah cuba untuk mencapai satu pandangan yang lebih seimbang mengenai impak pelancongan (Brunt dan Courtney, 1999).

Dalam antropologi pelancongan, pelancongan komuniti Orang Asli juga dikenali sebagai pelancongan pribumi di Australia dan pelancongan natif di Amerika Syarikat. Menurut Hinch dan Butler (1996), pelancongan komuniti Orang Asli merujuk pada kegiatan pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli secara langsung atau melalui kawalan dan menjadikan adat budaya mereka sebagai produk pelancongan untuk “dipersembahkan” kepada para pelancong. Pelancongan komuniti Orang Asli di Australia merupakan satu contoh yang dianggap sebagai satu produk yang baik kerana ia dimiliki oleh Orang Asli sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya, mengambil komuniti mereka sebagai pekerja, sentiasa bersedia untuk berhubung dengan komuniti mereka, budaya serta tanah mereka. Swain (1989) yang membuat kajian tentang masyarakat India Kuno di Panama melihat pelancongan komuniti Orang Asli sebagai pelancongan yang berdasarkan identiti budaya masyarakat Orang Asli dan dikendalikan oleh komuniti mereka sendiri.

Pelancongan komuniti Orang Asli di Acoma Pueblo, New Mexico (USA) pula menyaksikan penglibatan Orang Asli dalam penubuhan syarikat yang berskala kecil (*enterprise*), iaitu pekerjaanya adalah terdiri daripada keluarga atau dari komuniti mereka sendiri (Smith,1996). Smith turut mendefinisikan pelancongan komuniti Orang Asli ini sebagai kebudayaan yang terhad terhadap pengalaman pelancong dan kajian mikro tentang hubungan di antara manusia dan tanah. Justeru, pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli merupakan segmen di antara pengunjung yang terlibat secara langsung dengan komuniti ini dalam pemaparan keetnikan mereka sebagai salah satu daya tarikan kepada para pelancong. Hal ini termasuklah usaha pelancongan peribadi dengan hubungan langsung di antara tuan rumah dan pengunjung serta hubungan tak langsung yang melibatkan produk dan jualan keluaran dari komuniti Orang Asli sendiri. Dua faktor yang mengukuhkan pelancongan komuniti Orang Asli adalah pengetahuan dalam kebudayaan komuniti Orang Asli serta kawalan dan pemilikan yang seterusnya dapat membantu komuniti Orang Asli dalam mempertahankan budayanya. Malahan, pelancongan yang berasaskan alam dan sosio budaya ini telah menjadi aspek-aspek penting dalam perkembangan dan operasi produk pelancongan komuniti Orang Asli.

Smith (1996) juga turut menggariskan empat elemen penting di dalam pembangunan pelancongan komuniti Orang Asli iaitu yang pertamanya, habitat atau lokasi di mana komuniti Orang Asli ini tinggal untuk menjalani aktiviti seharian mereka. Keduanya ialah warisan etnografi yang dimiliki oleh komuniti Orang Asli. Warisan ini penting dalam menarik lebih ramai pelancong untuk datang dan melihat dengan lebih dekat lagi warisan dan budaya mereka serta melihat pelbagai tradisi dan nilai yang diamalkan oleh komuniti Orang Asli. Elemen ketiga ialah melalui hasil

kraf tangan mereka. Hasil-hasil kerja tangan ini akan dapat dipasarkan kepada pelancong dan secara tidak langsung memperkenalkan kreativiti komuniti Orang Asli kepada masyarakat luar. Keempat pula ialah sejarah latar budaya dan kehidupan sebenar komuniti Orang Asli dan hubungan mereka dengan masyarakat luar juga turut menjadi daya penarik kepada para pelancong untuk sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelancongan yang telah dipakejkan.

Pelancongan komuniti Orang Asli kadangkala juga dianggap sebagai pelancongan etnik (Smith, 1989; Sofield, 1991; de Burlo, 1996; serta Moscardo dan Pearce, 1999). Pelancongan etnik ini biasanya berlaku di antara kumpulan-kumpulan komuniti di daerah terpencil dengan jumlah pengunjung yang terhad seperti di utara Thailand yang menerima 100,000 pengunjung pada setiap tahun (Smith, 1989). Oleh itu, pelancongan etnik dan suku merupakan budaya dalam pelancongan komuniti Orang Asli yang melibatkan hubungan antara pelancong dan komuniti Orang Asli dengan amalan-amalan kebudayaan mereka (Smith, 2003). Namun, Hinch dan Butler (1996) telah membezakan di antara pelancongan yang bertemakan Orang Asli dan pelancongan yang dikawal oleh Orang Asli. Walaupun pelancongan komuniti Orang Asli mempunyai pelbagai takrifan, terasnya tetap sama iaitu untuk memperkenalkan dan memaparkan budaya setempat sebagai tarikan pelancong. Malahan, apabila sesebuah komuniti itu terlibat dalam aktiviti pelancongan, mereka juga secara tidak langsung turut menerima impak sama ada dari prospek yang positif mahupun yang negatif.

### 2.3 INDUSTRI PELANCONGAN DAN KOMUNITI ORANG ASLI DI MALAYSIA

Di Malaysia, industri pelancongan mula muncul pada akhir tahun 1960. Industri pelancongan tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang utama sehingga ke tahun 1970 kerana pada masa itu, sumbangan komoditi utama seperti getah dan bijih timah adalah jauh lebih penting. Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia mula membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Zainab dan Shahrudin, 1997; Ghazali Musa, 2000).<sup>1</sup>

Sektor pelancongan di Malaysia semakin berkembang pesat hasil daripada perubahan dari segi struktur masyarakat, kegiatan sosial, sumber ekonomi dan pendapatan serta keadaan politik semasa. Pada tahun 2014, Malaysia merekodkan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 27,437,315 iaitu pertumbuhan sebanyak 6.7% berbanding pada tahun 2013. Jumlah pendapatan pelancongan pula telah meningkat sebanyak 3.9% yang menjana pendapatan sebanyak RM60.6 billion (Tourism Malaysia, 2014). Keadaan ini sememangnya amat menggalakkan memandangkan pada tahun 2014 Malaysia telah diuji dengan tragedi yang melibatkan syarikat penerbangan Malaysia iaitu *Malaysia Airlines* (MAS). Namun, jumlah kedatangan pelancong masih meningkat berbanding pada tahun 2013. Pada tahun 2012 pula, Malaysia telah disenaraikan oleh UNWTO (*United Nations World Tourism Organization*) sebagai negara yang ke-10 paling ramai dilawati. Pasaran ASEAN kekal sebagai penyumbang terbesar dari segi kedatangan pelancongan

---

<sup>1</sup> **Sumber:** <http://transformasiguru1malaysia.blogspot.my/2012/08/kajian-kraf-masyarakat-asli-suku-temiar.html>. Diakses pada Mei 2015.

apabila seramai 19.1 juta pelancong direkodkan, mewakili 74.3% daripada keseluruhan kedatangan pelancong ke Malaysia. Di antara pasaran terbesar Malaysia adalah Singapura, Indonesia, China, Thailand, Brunei, India dan Filipina (*World Travel and Tourism Council*, 2014).

Berdasarkan laporan Majlis Ekonomi Negara iaitu pada tahun 2008, keadaan ekonomi negara berkembang pada kadar sekitar lima peratus dan jumlah perdagangan antarabangsa kekal melebihi RM1 trilion. Sementara itu, bagi sektor perkhidmatan khususnya pelancongan menyumbang sebanyak lebih RM48 bilion kepada negara. Oleh yang demikian, banyak strategi yang diatur oleh kerajaan untuk meningkatkan KDNK bagi sektor pelancongan. Antaranya ialah mempromosi produk-produk pelancongan seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, pelancongan pelbagai keagamaan, program Malaysia Rumah Keduaku, Program Inap Desa serta Malaysia sebagai lokasi membeli-belah, mesyuarat, konvensyen dan pameran antarabangsa akan giat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Selain itu, galakan pelancongan domestik juga diberi pendedahan meliputi destinasi-destinasi pelancongan yang kurang dipopularkan sebelum ini.

Pada tahun 2010 pula, kerajaan telah memperuntukan sebanyak 899 juta ringgit kepada sektor pelancongan. Di antara lima program utama yang akan dilaksanakan adalah dengan menarik lebih ramai warga asing daripada United Kingdom, Jepun, Republik Korea, Timur Tengah, India dan China menyertai Program Malaysia Rumah Keduaku "*Malaysia My Second Home*" (MM2H). Seterusnya, dengan meningkatkan kualiti infrastruktur pelancongan di pusat pelancongan seluruh negara seperti program pembangunan ekopelancongan dan

program peningkatan kemudahan homestay. Ketiga, dengan memastikan tenaga kerja barisan hadapan terdiri daripada rakyat tempatan. Oleh demikian, pekerja asing yang sedang bekerja di barisan hadapan akan ditamatkan perkhidmatan mereka secara berperingkat. Program keempat pula adalah dengan menggunakan kaedah pengiklanan di internet untuk mempromosi aktiviti pelancongan negara dan yang kelima ialah dengan mengadakan lebih banyak produk dan acara pelancongan yang lebih menarik, termasuklah “*KL Grand Prix Fest*”, Pesta Air Nasional, “*Rain Forest Eco-Challenges*” dan “*Malaysia International Golf Exhibition*”. Galakan daripada pihak kerajaan dan swasta dalam membangunkan, mempromosi dan memasarkan produk pelancongan bagi menjayakan sektor ini ke setiap negeri di Malaysia adalah langkah paling terbaik bagi meningkatkan lagi pendapatan ekonomi negara.

Di Malaysia, pelancongan komuniti Orang Asli merupakan satu bentuk pelancongan yang dikategorikan sebagai pelancongan luar bandar atau melibatkan pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan juga pelancongan kebudayaan yang membolehkan pelancong melawat perkampungan Orang Asli untuk mengalami dan melihat kehidupan seharian masyarakat Orang Asli. Namun, tidak ada definisi yang jelas mengenai pelancongan komuniti Orang Asli. Menurut (Smith, 1989), pelancongan komuniti Orang Asli adalah bentuk pelancongan yang melibatkan secara terus penduduk Orang Asli sama ada membenarkan mereka untuk menguruskan sesebuah kawasan atau menjadikan budaya tradisional mereka sebagai destinasi pelancongan. Pelancong yang melibatkan diri dalam pelancongan komuniti Orang Asli adalah pelancong antarabangsa atau domestik yang terlibat dalam aktiviti pelancongan komuniti Orang Asli seperti melawat tempat-tempat budaya atau



komuniti Orang Asli, menyaksikan tarian tradisional dan pembuatan kraftangan dan mengembara ke kawasan terpencil di perkampungan Orang Asli.

Pelancongan komuniti Orang Asli di Malaysia sering dipromosikan melalui pakej-pakej pelancongan seperti pakej pelancongan Orang Asli yang merujuk kepada komuniti Orang Asli di Cameron Highlands. Di antara contoh teks promosi mengenai pakej pelancongan Orang Asli di sebuah laman web pelancongan<sup>2</sup> di Cameron Highland ialah:

*“... PERNAHKAH anda mencuba ikan bersama nasi yang dimasak dalam buluh? Tanpa perisa tambahan dan perahan rempah ratus, aroma ikan sungai segar seperti Kelah yang dibalut pokok hutan, Renting ini, mampu membangkitkan selera.*

*“...Beras pula dimasak dalam bungkusan kecil menggunakan daun Ler yang lebih panjang memudahkan pembahagian nasi kepada ahli keluarga dan jiran. Siap dimasak, hidangan ini kelihatan seperti nasi himpit, Cuma dalam bungkusan lebih besar. Cara hidup tradisional tanpa kebergantungan peralatan moden dalam menjalankan kehidupan seharian ini menjadi tarikan pelancong yang menyertai pakej pelancongan Orang Asli di Cameron Highlands.*

*“...Lawatan ke perkampungan Orang Asli sambil menyelami cara hidup dan budaya diwarisi daripada nenek moyang mereka. Peserta akan di bawa mengunjungi dusun buah-buahan, belajar menangkap ikan dan menggunakan sumpit. Mereka berpeluang merentas denai hutan untuk melawat air terjun sambil mengenal tumbuhan herba seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan bunga terbesar dunia, Rafflesia. Seakan tidak lengkap pakej ini tanpa menyaksikan persembahan Sewang sambil diiringi alunan muzik tradisional menggunakan buluh. Samaada dalam rumah atau ruangan terbuka, persembahan ini lazimnya boleh berlanjutan sehingga beberapa jam.*

Pakej lawatan ke perkampungan Orang Asli ini tertumpu di Cameron Highlands, Taman Negara, Kuala Tahan, Tasik Chini, di Pahang selain Hutan Belum, Perak dan Sungai Nenggiri di Kelantan.

---

<sup>2</sup> **Sumber:** <http://indahnyacameronhighlands.blogspot.com/2009/10/pakej-pelancongan-orang-asli>. Diakses pada Mac 2015.